

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA
MISU DINEGERI 31/1/25
(Jum)

Cadangan WBB bukan daripada PTD

PETALING JAYA: Cadangan Waktu Bekerja Berlainan (WBB) bukan datangnya daripada Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), sebaliknya melibatkan Jawatankuasa Penasihat dan Tindakan Perubatan (MAAC).

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Dr. Adnan Mat berkata, perkara itu telah disalahertikan oleh sesetengah pihak sehingga mencetuskan polemik.

"Oleh itu, tidak wajar mana-mana pihak menyalahkan kumpulan pegawai ini tanpa asas yang kukuh. PTD sentiasa memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan melaksanakan dasar dengan profesional demi kepentingan negara.

"Jangan buat spekulasi atau menyalahkan mana-mana pihak secara tidak adil. Sebaliknya, semua tenaga harus difokuskan kepada usaha mencari penyelesaian terbaik demi kepentingan perkhidmatan awam dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) membidas tuduhan bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin bahawa PTD hanyalah 'sekumpulan yang melihat pada helaian Excel' tanpa memahami realiti yang berlaku dalam sektor kesihatan.

Khairy melalui podcast Keluar Sekejap mengaitkan kegagalan sistem WBB bagi petugas kesihatan dengan jurang pemahaman dalam kalangan birokrat di Kementerian Kesihatan (KKM) terhadap realiti operasi hospital.

Adnan berkata, CUEPACS menyokong langkah Kementerian Kesihatan untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji penjadualan waktu kerja dan pemeraksanaan penyampaian perkhidmatan kesihatan negara.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA MIS 4 DINEGERI BA/1/2025 (JUMAAT)

Jururawat bantah kerja 45 jam seminggu

PETALING JAYA: Kumpulan jururawat membantah keputusan Kementerian Kesihatan meneruskan waktu kerja 45 jam seminggu sedangkan projek rintis Waktu Bekerja Berlainan (WBB) kepada kumpulan doktor dibatalkan.

Pengerusi Persatuan Jururawat Lelaki Malaysia, Muhamad Julihan Kamari berkata, pihaknya merasakan keputusan tu sebagai dwistandard dan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan jururawat.

"Ini adalah dwistandard dan tidak ada satu pun perwakilan ururawat yang bersetuju dengan penambahan waktu jam bekerja daripada 42 kepada 45 jam seminggu," katanya kepada *Jutusan Malaysia*.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan (KKM) membatalkan projek rintis WBB kepada kumpulan doktor bagi memberi

laluhan kepada kajian lebih mendalam dan menyeluruh.

Projek rintis itu yang bertujuan mengurangkan beban dan tekanan kerja pegawai perubatan masih dalam peringkat percubaan di lima buah hospital ketika dibatalkan.

Beliau berkata, jika WBB boleh dibatalkan untuk kajian lebih mendalam dan menyeluruh mengapa perkara yang sama tidak dilakukan dalam isu membabitkan golongan jururawat.

"Sekurang-kurangnya laksanakan kajian terlebih dahulu sebelum memutuskan untuk menambah waktu kerja jururawat. Sebelum ini, enam persatuan jururawat sudah menghantar kajian berhubung isu ini namun ditolak kementerian.

"Jadi, kami putuskan untuk melancarkan solidariti supaya suara kami didengar dan menerima layanan seadilnya," katanya.

Beliau berkata, keputusan menambah waktu kerja jururawat adalah penyelesaian jangka pendek tanpa mengambil kira kesihatan mental dan fizikal golongan tersebut.

"Walaupun penambahannya hanya tiga jam tetapi sebelum ini pun waktu kerja jururawat adalah lebih daripada 42 jam. Jika ia ditambah maka mereka terpaksa bekerja lebih lagi jika berlaku kecemasan dan sebagainya," katanya.

Muhammad Julihan berkata, bagi melaksanakan solidariti itu, pihaknya melancarkan petisyen untuk ditandatangani golongan jururawat, mengadakan webinar dan sebagainya sebelum kemuncak tindakan pada Mac depan.

"Pada kemuncak solidariti pada Mac ini, kami mungkin tidak akan mengadakan mogok dengan meninggalkan tugas dan sebagainya kerana kami

masih memikirkan kebajikan pesakit tetapi hanya mahu suarakan isi hati kami didengar oleh kerajaan. Amat tidak adil melaksanakan suatu keputusan tanpa persetujuan pihak-pihak berkepentingan," katanya.

Pada November lalu, satu arahan baharu dikeluarkan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan memerlukan jururawat di wad hospital untuk bekerja tambahan tiga jam seminggu.

Mulai 1 Disember, jururawat yang bekerja secara syif dikehendaki bekerja selama 45 jam seminggu, berbanding 42 jam seperti sebelumnya.

Arahan itu mendapat reaksi negatif daripada golongan jururawat namun Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad menyifatkan waktu kerja tambahan tiga jam itu sebagai munasabah.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

BH 31/1/2025 (JUMAAT) M/S 7 NASIONAL

Waktu Bekerja Berlainan bukan cadangan PTD

CUEPACS gesa semua pihak tidak buat spekulasi, fokus cari penyelesaian

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: CUEPACS menegaskan, tidak wajar pegawai tadbir dan diplomatik (PTD) disalahkan dalam isu Waktu Bekerja Berlainan (WBB) kerana cadangan itu bukan berasal daripada mereka.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat, berkata sebaliknya, ia adalah cadangan daripada Jawatankuasa Penasihat dan Tindakan Perubatan (MAAC).

"PTD sebaliknya sentiasa memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan melaksanakan dasar dengan profesional

dan berintegriti demi kepentingan negara.

"Sehubungan itu, CUEPACS dengan tegas menyeru semua pihak supaya tidak lagi membuat spekulasi atau menyalahkan mana-mana pihak secara tidak adil.

"Semua tenaga harus difokuskan kepada usaha mencari penyelesaian terbaik demi kepentingan perkhidmatan awam dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, melalui podkas 'Keluar Sekejap', mengaitkan kegagalan sistem WBB bagi petugas kesihatan dengan jurang pemahaman dalam kalangan birokrat di Kementerian Kesihatan (KKM) terhadap realiti amalan perubatan.

Khairy dilaporkan mengkritik

proses membuat keputusan, sambil menegaskan bahawa ia dilaksanakan oleh penjawat awam yang tidak mempunyai pemahaman praktikal mengenai operasi hospital.

PPTD bidas tuduhan Khairy

Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) turut membidas tuduhan Khairy bahawa PTD hanyalah 'sekumpulan yang melihat pada helaian Excel' tanpa memahami realiti yang berlaku dalam sektor kesihatan.

Pada masa sama, Adnan berkata, sebarang perubahan dalam sistem waktu bekerja mestilah dilaksanakan secara holistik.

Beliau berkata, ia termasuk dengan mengambil kira keseimbangan antara keperluan perkhidmatan, kebajikan pekerja dan keberkesanan penyampaian per-

khidmatan kepada rakyat.

"Keputusan Jemaah Menteri membatalkan projek WBB membuktikan kerajaan prihatin terhadap kebajikan petugas kesihatan dan memahami keperluan untuk melakukan kajian yang lebih menyeluruh sebelum melaksanakan sebarang perubahan besar dalam sistem waktu bekerja.

"Ia adalah langkah tepat bagi memastikan sebarang perubahan yang dibuat adalah berlandaskan kajian menyeluruh dan mengambil kira kepentingan dan kebajikan semua pihak," katanya.

Adnan berkata, CUEPACS turut menyokong langkah KKM untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji penjadualan waktu kerja dan pemeraksanaan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Katanya, jawatankuasa ini diharapkan akan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan, termasuk wakil kesatuan sekerja dan pekerja yang terbahit secara langsung dalam perkhidmatan kesihatan.



Adnan Mat

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

8 **NEGARA!**

KOSMO! JUMAAT 31 JANUARI 2025

KOSMO 31/1/2025 (JUMAAT) M/S 8 NEGARA

Ubah sistem waktu bekerja secara holistik – Cuepacs

PETALING JAYA – Perubahan dalam sistem waktu bekerja perlu mestilah dilaksanakan secara holistik dengan mengambil kira keseimbangan antara keperluan perkhidmatan, kebajikan pekerja dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Datuk Dr. Adnan Mat berkata, justeru itu, keputusan Jemaah Menteri meneliti semula cadangan Waktu Bekerja Berlainan (WBB) merupakan satu langkah tepat.

Menurutnya, ia bagi memastikan sebarang perubahan dibuat adalah berlandaskan kajian menyeluruh dengan mengambil kira kepentingan dan kebajikan

semua pihak.

"Cuepacs mengambil maklum dan menyambut baik keputusan Jemaah Menteri untuk membatalkan projek rintis WBB yang sebelum ini dicadangkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

"Keputusan itu membuktikan bahawa kerajaan prihatin terhadap kebajikan petugas kesihatan dan memahami keperluan untuk melakukan kajian yang lebih menyeluruh sebelum melaksanakan sebarang perubahan besar dalam sistem waktu bekerja," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Adnan dalam pada itu turut menegaskan bahawa cadangan WBB bukan diutarakan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD)

sebaliknya, ia adalah cadangan daripada Medical Advisory and Action Committee (MAAC).

Oleh itu Adnan berkata, adalah tidak wajar mana-mana pihak menyalahkan kumpulan pegawai berkenaan tanpa asas yang kukuh selain PTD sentiasa memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan melaksanakan dasar dengan profesional dan berintegriti.

Kata beliau, pihaknya berharap jawatankuasa khas bagi mengkaji penjadualan waktu kerja yang akan ditubuhkan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan, termasuk wakil kesatuan sekerja dan pekerja yang terlibat secara langsung.



KEBAJIKAN pekerja dan keperluan perkhidmatan antara yang perlu dititiberatkan dalam perubahan sistem waktu bekerja. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO M1517 LOKAL 31/1/2025 (JUMAAT)
PERKHIDMATAN KESIHATAN

Cuepacs sokong langkah kaji penjadualan waktu kerja

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyokong langkah Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji penjadualan waktu kerja dan pemeraksanaan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Presiden berkenaan Datuk Dr Adnan Mat berharap jawatankuasa itu akan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan termasuk wakil kesatuan sekerja dan pekerja yang terbabit secara langsung dalam perkhidmatan kesihatan.

“Sebarang perubahan dalam sistem waktu bekerja mestilah dilaksanakan secara holistik dengan mengambil kira keseimbangan antara keperluan perkhidmatan, kebajikan pekerja dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

“Keputusan Jemaah Menteri untuk meneliti semula cadangan Waktu Bekerja Berlainan (WBB) adalah langkah tepat bagi



PERUBAHAN sistem waktu kerja perlu ambil kira keseimbangan perkhidmatan dan kebajikan pekerja.

memastikan sebarang perubahan yang dibuat adalah berlandaskan kajian menyeluruh dan mengambil kira kepentingan dan kebajikan semua pihak,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad sebelum ini menyatakan Jemaah Menteri memutuskan untuk membatalkan projek rintis WBB bagi memberi laluan kepada kajian lebih mendalam dan menyeluruh.

Dalam pada itu, Adnan berkata, cadangan WBB

bukan berasal daripada Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) seperti yang disalahertikan sesetengah pihak, sebaliknya ia adalah cadangan Medical Advisory and Action Committee (MAAC).

“Oleh itu, tidak wajar mana-mana pihak menyalahkan kumpulan pegawai ini tanpa asas yang kukuh. PTD sentiasa memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan melaksanakan dasar dengan profesional dan berintegriti demi kepentingan negara,” katanya.

AKHBAR : THESUN DAILY
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

THESUN DAILY MYS NATIONAL 31/1/2025 (JUMAAT)

Claims by ex-health minister do not reflect reality: Association

KUALA LUMPUR: Former health minister Khairy Jamaluddin's claim that administrative and diplomatic officers were merely "looking at Excel spreadsheets" and lack a practical understanding of hospital operations is baseless and does not reflect the reality of government policy-making, according to the Administrative and Diplomatic Officers Alumni Association.

Its president Datuk Awang Alik said the officers play a professional role, relying on data while considering operational realities when formulating and implementing national policies.

He emphasised that officers have

long been instrumental in developing key national policies, including those in the health sector.

"The success of Malaysia's public health system, which is internationally recognised, is the result of close collaboration between health professionals and officers in ensuring that policies introduced are balanced and sustainable.

"The claim that these officers fail to understand challenges in the health sector is not only unfair but also does not reflect the true workings of government administration," he said in a statement.

Khairy, in a "Keluar Sekejap" podcast on Tuesday, attributed the failure of the staggered working hours system for healthcare workers to a lack of understanding among bureaucrats at the Health Ministry regarding the realities of medical practice.

He criticised the decision-making process, arguing that it was handled by civil servants without practical knowledge of hospital operations.

In response, Awang said the proposed system was not introduced arbitrarily but was developed through comprehensive engagement with various stakeholders,

including medical officers, hospital administrators and healthcare worker unions.

"As trained civil servants in policy development, administrative and diplomatic officers are responsible for ensuring that decisions are made based on evidence and thorough research," he said.

Awang added that the ministry had previously clarified that the shift system was designed by doctors for doctors, and was not unilaterally decided by the officers in Putrajaya.

He dismissed claims that they lacked an understanding of the

healthcare sector, stressing that their role is to ensure effective policy implementation within the broader framework of national administration.

"In conclusion, the association urges all parties to understand the policy-formulation process before making statements that could mislead the public.

"The cooperation of all stakeholders, including medical officers and administrative and diplomatic officers, is essential in ensuring that any policy introduced truly benefits all parties without compromising the quality of public services," he added. — Bernama